

**PEMBINAAN MODEL TOLERANSI ETNIK
BERDASARKAN KEPADA PENGARUH
PENGANTARA TADBIR URUS**

NUR FARAHANA BINTI ZUL KERNAIN

SARJANA SAINS

**UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL
MALAYSIA**

2018

**PEMBINAAN MODEL TOLERANSI ETNIK BERDASARKAN KEPADA
PENGARUH PENGANTARA TADBIR URUS**

NUR FARAHANA BINTI ZUL KERNAIN

Tesis ini diserahkan untuk Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia sebagai memenuhi syarat bagi memperoleh Ijazah Sarjana Sains (Strategik dan Hubungan Antarabangsa).

September 2018

ABSTRAK

Objektif utama kajian ini adalah untuk membina model toleransi etnik yang melibatkan para pelajar universiti dari tiga buah Universiti Awam (UA) berkluster penyelidikan di Malaysia iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) berdasarkan pengaruh pengantara tadbir urus. Berdasarkan kepada objektif utama, beberapa pecahan objektif diketengahkan dalam kajian ini iaitu (1) untuk mengenal pasti tahap agama, hubungan sosial rentas etnik, tadbir urus dan toleransi etnik terhadap pelajar dari tiga buah Universiti Awam berkluster penyelidikan berdasarkan kaum majoriti di Malaysia; (2) untuk mengkaji hubungan di antara agama dan hubungan sosial rentas etnik dengan toleransi etnik terhadap pelajar dari tiga buah Universiti Awam berkluster penyelidikan berdasarkan kaum majoriti di Malaysia; (3) untuk mengkaji hubungan di antara agama dan hubungan sosial rentas etnik dengan tadbir urus terhadap pelajar dari tiga buah Universiti Awam berkluster penyelidikan berdasarkan kaum majoriti di Malaysia; (4) untuk mengkaji tadbir urus sebagai pengaruh pengantara terhadap hubungan di antara agama dengan toleransi etnik; (5) untuk mengkaji tadbir urus sebagai pengaruh pengantara terhadap hubungan di antara hubungan sosial rentas etnik dengan toleransi etnik; dan (6) untuk membina model berstruktur bagi menerangkan hubungan di antara agama dan hubungan sosial rentas etnik dengan toleransi etnik berdasarkan kepada pengaruh pengantara tadbir urus. Model ini dibina berdasarkan kepada empat konstruk utama iaitu konstruk agama, hubungan sosial rentas etnik, tadbir urus dan toleransi etnik. Kajian ini menggunakan kaedah eksploratori dan kaedah kajian keratan rentas yang melibatkan seramai 378 pelajar ijazah sarjana muda dari Fakulti Sains Sosial di bawah UM, UKM dan UPM. Pembentukan borang kaji selidik adalah berdasarkan kepada pembinaan item dan pengadaptasian instrumen menggunakan 5 mata skala Likert. Analisis Model Persamaan Berstruktur (MPB) pula menggunakan perisian SmartPLS versi 3.2 telah diaplikasikan bagi menganalisis hipotesis-hipotesis kajian dan membina model toleransi etnik berdasarkan pengaruh pengantara tadbir urus. Secara keseluruhan, pembinaan model toleransi berpandukan pengaruh pengantara tadbir urus yang dihasilkan adalah diterima kerana kesan perantara peranan tadbir urus telah memberi pengaruh yang besar terhadap toleransi etnik. Selain itu, keputusan setiap hipotesis kajian juga didapati selaras dengan tahap persetujuan para pelajar universiti terhadap peranan agama, hubungan sosial rentas etnik dan tadbir urus dalam mempengaruhi tahap toleransi etnik.

ABSTRACT

The main objective of this study is to develop ethnic tolerance model based on the mediating effect of governance involving university students from three public universities based on research cluster universities in Malaysia which are Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) and Universiti Putra Malaysia (UPM). Based on the main objectives, few objectives are presented in this study: (1) to identify the level of religion, ethnic cross relationship, governance and ethnic tolerance towards students from three research cluster universities based on the majority of Malaysians; (2) to examine the relationship between religion and ethnic cross relationship towards ethnic tolerance to students from three research cluster universities based on the majority in Malaysia; (3) to examine the relationship between religion and ethnic cross relationship towards governance of students from three research cluster universities based on the majority in Malaysia; (4) to examine governance as mediating effect on the relationship between religion and ethnic tolerance; (5) to examine governance as mediating effect on the relationship between ethnic cross relationship with ethnic tolerance; and (6) to construct a structural model to explain the relationship between religion and ethnic cross relationship towards ethnic tolerance based on mediating effect of governance. The model consisted four main constructs: religion, ethnic cross relationship, governance and ethnic tolerance. This study employed an exploratory design and cross-sectional design which involved 378 undergraduate students from the Faculty of Social Sciences under UM, UKM dan UPM. Questionnaire design is based on self-constructed questionnaires and adaptation of instruments using 5 point Likert scale. Structural Equation Modeling (SEM) analysis using the SmartPLS version 3.2 has been applied to analyze the research hypotheses and build ethnic tolerance model based on the mediating effect of governance. Overall, the development of ethnic tolerance model based on mediating effect of governance, was accepted because the mediating effect of governance has significantly influence the level of ethnic tolerance. The results of hypotheses were also found to be in line with the level of agreeableness of university students on the role of religion, ethnic cross relationship and governance in influencing the level of ethnic tolerance.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala kesyukuran dipanjatkan kepada Ilahi atas limpah dan kurnia-Nya dalam memberikan saya kekuatan fizikal dan mental serta membimbing di dalam setiap langkah untuk menyempurnakan tesis ini, iaitu, Pembinaan Model Toleransi Etnik Berdasarkan Kepada Pengaruh Pengantara Tadbir Urus.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih buat penyelia utama saya, Prof. Madya Dr. Wan Norhasniah binti Wan Husin yang sentiasa memberikan komitmen, kelapangan masa, nasihat, dorongan dan ilmu semasa proses pelaksanaan penulisan tesis ini. Jutaan terima kasih dan penghargaan juga ditujukan kepada penyelia bersama, Puan Nurhana binti Mohd Rafiuddin yang memberikan komitmen, tunjuk ajar, nasihat dan semangat sepanjang saya menyiapkan tesis ini. Hanya Allah yang mampu membalas segala jasa baik yang telah diberikan. Penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada Prof. Dr. Mansor bin Mohd Noor, Puan Ummi Munirah Syuhada binti Mohamad Zan, Prof. Madya Dr. Mejar Ahmad Azan bin Ridzuan (Bersara), Prof. Dr. Jegak Uli, Kolonel Felo Kanan Abdul Latif bin Harun (Bersara) dan Cik Nur Hidayah binti Roslan atas segala kesediaan dalam membantu dan berkongsi kepakaran untuk menyempurnakan tesis ini.

Penghargaan yang teristimewa saya tujukan kepada ibu bapa saya yang sering memberikan galakan, nasihat, semangat dan kasih sayang, Zulkernain bin Zainal dan Norain binti Haji Ramli serta adik-beradik. Tidak dilupakan kepada semua yang membantu secara langsung atau tidak langsung semasa proses menyiapkan penulisan ini, Suhada, Izrin, Nani, Izati dan Hakimi. Semoga sentiasa berada di bawah limpahan rahmat-Nya. Terima kasih.

KELULUSAN

Saya mengaku bahawa Jawatankuasa Peperiksaan telah bersidang pada 3 Ogos 2018 bagi menjalankan peperiksaan akhir kepada **Nur Farahana binti Zul Kernain** bagi tesis bertajuk “**Pembinaan Model Toleransi Etnik Berdasarkan kepada Pengaruh Pengantara Tadbir Urus**”. Jawatankuasa ini mencadangkan untuk pelajar ini dianugerahkan Ijazah Sarjana Sains (Strategik dan Hubungan Antarabangsa).

Ahli-ahli Jawatankuasa Peperiksaan seperti berikut:

Kol Felo Kanan Abdul Latif bin Harun (Bersara)

Dekan

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

(Pengerusi)

Wan Hashim bin Wan Teh, PhD

Prof. Emeritus Dato’

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

Mohammad Nasir bin Hj. Saludin, PhD

Prof. Dato’

Timbalan Naib Canselor

Kolej Universiti PolyTech MARA

(Pemeriksa Luar)

KELULUSAN

Tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dan telah memenuhi piawaian bagi tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Sains (Strategik dan Hubungan Antarabangsa). Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Wan Norhasniah binti Wan Husin, PhD

Profesor Madya

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

(Penyelia Utama)

Nurhana binti Mohamad Rafiuddin

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

(Penyelia Bersama)

UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

PERAKUAN

Nama penuh penulis : Nur Farahana binti Zul Kernain
Tarikkh lahir : 10 Ogos 1993
Tajuk : Pembinaan Model Toleransi Etnik Berdasarkan kepada Pengaruh Pengantara Tadbir Urus
Sesi Akademik : 2016/ 2017

Tesis ini diklasifikasikan sebagai:

- SULIT** (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau keselamatan Malaysia yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan dimana penyelidikan dijalankan)*
- TERBUKA** (Mengandungi maklumat yang tidak berdarjah keselamatan)

Saya mengaku bahawa Universiti Pertahanan Nasional Malaysia mempunyai hak sebagaimana berikut:

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dibenarkan membuat salinan tesis untuk tujuan penyelidikan sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dibenarkan membuat salinan tesis bagi tujuan pertukaran akademik.

TANDATANGAN PELAJAR

930810-14-6468

TANDATANGAN PENYELIA UTAMA

PROF. MADYA DR. WAN
NORHASNIAH BINTI WAN HUSIN

NO IC/PASSPORT PELAJAR

Tarikh:

NAMA PENYELIA

Tarikh:

Nota: *Jika kertas akademik ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali tempoh Kertas Akademik ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

SENARAI ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
SENARAI ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii

BAB

1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.3	Pernyataan Masalah	10
1.4	Objektif Kajian	13
1.5	Persoalan Kajian	14
1.6	Hipotesis Kajian	15
1.7	Skop Kajian	17
1.8	Definisi Operasi	20
1.9	Kepentingan Kajian	21
1.10	Limitasi Kajian	22

BAB

2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	23
2.2	Takrif dan Definisi Istilah	24

2.2.1	Agama	24
2.2.2	Hubungan Sosial Rentas Etnik	25
2.2.3	Tadbir Urus	26
2.2.4	Toleransi Etnik	27
2.3	Agama, Hubungan Sosial Rentas Etnik, Tadbir Urus dan Toleransi Etnik dalam Pembinaan Model Toleransi Etnik	28
2.3.1	Agama	29
2.3.2	Hubungan Sosial Rentas Etnik	33
2.3.3	Tadbir Urus	36
2.3.4	Toleransi Etnik	41
2.4	Konsep dan Teori	47
2.4.1	Konsep Toleransi Etnik	47
	i. Perakui	48
	ii. Selesa	48
	iii. Kongsi	49
	iv. Terima	50
	v. Bangga	50
2.4.2	Teori Modenisasi	51
	i. <i>Traditional society</i>	52
	ii. <i>Precondition to take-off</i>	52
	iii. <i>Take-off</i>	53
	iv. <i>Drive to maturity</i>	53
	v. <i>Age of high mass-consumption</i>	53

2.5	Pembinaan Hipotesis Kajian	57
2.5.1	Hubungan Kesan Langsung Terhadap Toleransi Etnik	57
	i. Hubungan antara agama dengan toleransi etnik	58
	ii. Hubungan antara hubungan sosial rentas etnik dengan toleransi etnik	61
2.5.2	Hubungan Kesan Langsung Terhadap Tadbir Urus	63
	i. Hubungan antara agama dengan tadbir urus	63
	ii. Hubungan antara hubungan sosial rentas etnik dengan tadbir urus	66
2.5.3	Hubungan Kesan Tidak Langsung Tadbir Urus Sebagai Pengantara	68
	i. Tadbir urus sebagai pengaruh pengantara hubungan antara agama dengan toleransi etnik	68
	ii. Tadbir urus sebagai pengaruh pengantara hubungan antara hubungan sosial rentas etnik dengan toleransi etnik	70
2.6	Rumusan	74

BAB

3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	75
3.2	Reka Bentuk Kajian	76
3.3	Persampelan Kajian	78
3.3.1	Populasi	78

3.3.2	Teknik Persampelan	79
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	82
3.4.1	Sumber Primer	84
3.4.2	Sumber Sekunder	84
3.5	Instrumen Kajian	85
3.5.1	Demografi	88
3.5.2	Konstruk Agama	89
3.5.3	Konstruk Hubungan Sosial Rentas Etnik	91
3.5.4	Konstruk Tadbir Urus	92
3.5.5	Konstruk Toleransi Etnik	96
3.6	Pengujian Instrumen Kajian	96
3.6.1	Kesahan	97
i.	Kesahan muka	97
ii.	Kesahan kandungan	98
iii.	Kesahan konstruk	99
3.6.2	Kebolehpercayaan	99
3.7	Kaedah Analisis Data	100
3.7.1	Analisis Deskriptif	101
3.7.2	Analisis Model Persamaan Berstruktur (MPB)	102
i.	Model pengukuran	104
ii.	Model berstruktur	107

3.8	Rumusan	113
-----	---------	-----

BAB

4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	115
4.2	Analisis Deskriptif Demografi Responden	115
4.2.1	Jantina	116
4.2.2	Universiti	116
4.2.3	Etnik	117
4.2.4	Umur	117
4.2.5	Agama	118
4.2.6	Tempat Tinggal	118
4.2.7	Jenis Pendidikan Sekolah Rendah	119
4.2.8	Jenis Pendidikan Sekolah Menengah	120
4.3	Tahap Agama, Hubungan Sosial Rentas Etnik, Tadbir Urus dan Toleransi Etnik dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam di Malaysia	121
4.3.1	Tahap Agama	121
4.3.1	Tahap Hubungan Sosial Rentas Etnik	123
4.3.3	Tahap Tadbir Urus	124
4.3.4	Tahap Toleransi Etnik	125
4.4	Penilaian Model Kajian Menggunakan Pendekatan Model Persamaan Berstruktur (MPB)	126
4.4.1	Penilaian Model Pengukuran	129
i.	Kebolehpercayaan item (Faktor Beban)	129
ii.	Kesahan Gubahan	131

iii.	Purata Varians Terekstrak (PVT)	132
iv.	Kesahan Pembeza	135
4.4.2	Penilaian Model Berstruktur	135
i.	Penilaian model kesan langsung dan kesan tidak langsung bagi model kajian berdasarkan kepada hipotesis kajian	136
ii.	Penilaian model kesan langsung terhadap toleransi etnik	137
iii.	Penilaian model kesan langsung terhadap tadbir urus	142
iv.	Penilaian model kesan tidak langsung terhadap tadbir urus	148
v.	Pekali Penentuan (R^2)	154
vi.	Pekali Kesesuaian (Q^2)	155
vii.	Kesan saiz f^2	155
viii.	Kesan saiz q^2	156
		157
4.5	Rumusan	157

BAB

5 RINGKASAN KAJIAN, IMPLIKASI SERTA SUMBANGAN DAN CADANGAN TERHADAP HASIL KAJIAN

5.1	Pendahuluan	160
5.2	Ringkasan Keseluruhan Kajian	160
5.3	Implikasi Kajian	166
5.3.1	Belia	166
5.3.2	Persekitaran	167
5.3.3	Negara	167
5.3.4	Konsep dan Teori	168

5.4	Sumbangan dan Cadangan terhadap Hasil Kajian	169
5.5	Kesimpulan	170
BIBLIOGRAFI		171
LAMPIRAN		191
BIODATA PELAJAR		207

SENARAI JADUAL

No.	Jadual	Muka Surat
1.1	Definisi operasi kajian	20
3.1	Populasi dan persampelan pelajar universiti di bawah Fakulti Sains Sosial daripada tiga buah Universiti Awam di Malaysia	79
3.2	Jadual penentuan saiz sampel Krejcie & Morgan (1970)	81
3.3	Jangka masa kajian sebenar	83
3.4	Jumlah pulangan borang soal selidik	84
3.5	Rumusan pembahagian instrumen kajian	87
3.6	Item pengukuran konstruk agama	89
3.7	Item pengukuran konstruk hubungan sosial rentas etnik	92
3.8	Item pengukuran konstruk tadbir urus	94
3.9	Item pengukuran konstruk toleransi etnik	96
3.10	Nilai kebolehpercayaan analisis kajian rintis dan kajian sebenar	100
3.11	Jadual skala interpretasi skor min	102
3.12	Kriteria penilaian model pengukuran dan berstruktur menggunakan analisis MPB	104
3.13	Ringkasan jenis analisis	113
4.1	Pecahan responden mengikut jantina	116
4.2	Pecahan responden mengikut universiti	116
4.3	Pecahan responden mengikut etnik	117
4.4	Pecahan responden mengikut umur	117
4.5	Pecahan responden mengikut agama	118

4.6	Pecahan responden mengikut tempat tinggal	119
4.7	Pecahan responden mengikut jenis pendidikan sekolah rendah	119
4.8	Pecahan responden mengikut jenis pendidikan sekolah menengah	120
4.9	Skala interpretasi skor min	121
4.10	Tahap agama bagi keseluruhan pelajar universiti dan pecahan pelajar universiti mengikut etnik	122
4.11	Tahap hubungan sosial rentas etnik bagi keseluruhan pelajar universiti dan pecahan pelajar universiti mengikut etnik	124
4.12	Tahap tadbir urus bagi keseluruhan pelajar universiti dan pecahan pelajar universiti mengikut etnik	125
4.13	Tahap toleransi etnik bagi keseluruhan pelajar universiti dan pecahan pelajar universiti mengikut etnik	126
4.14	Nilai faktor beban, PVT dan kesahan gubahan bagi konstruk pendam	132
4.15	Analisis <i>Heterotrait-Monotrait Ratio</i> (HTMT)	135
4.16	Nilai R^2 dan nilai Q^2 bagi pemboleh ubah endogen	154
4.17	Nilai kesan f^2	156
4.18	Nilai kesan q^2	157
4.19	Rumusan keputusan hipotesis kajian	159
5.1	Analisis konstruk tadbir urus sebagai pengaruh pengantara antara konstruk agama dan konstruk toleransi etnik	165
5.2	Analisis konstruk tadbir urus sebagai pengaruh pengantara antara konstruk hubungan sosial rentas etnik dan konstruk toleransi etnik	165

SENARAI RAJAH

No.	Rajah	Muka Surat
1.1	Kerangka konseptual	16
2.1.	Peringkat pembangunan teori modenisasi Rostow	52
3.1.	Contoh model laluan	104
3.2.	Kesan langsung X terhadap Y	110
3.3.	Kesan langsung dan tidak langsung X terhadap Y	110
3.4.	Kerangka penuh laluan model	111
3.5.	Prosedur analisis kesan perantara	112
4.1.	Model kajian	128
4.2.	Analisis Algorithma	134
4.3.	Model kesan langsung terhadap toleransi etnik	137
4.4.	Pengujian hipotesis 1	138
4.5.	Pengujian hipotesis 2	140
4.6.	Model kesan langsung terhadap tadbir urus	143
4.7.	Pengujian hipotesis 3	143
4.8.	Pengujian hipotesis 4	146
4.9.	Model kesan tidak langsung tadbir urus sebagai pengantara	149
4.10.	Pengujian hipotesis 5	150
4.11.	Pengujian hipotesis 6	152
5.1.	Model kajian akhir	164

SENARAI SINGKATAN

CB-SEM	-	<i>Covariance-Based Structural Equation Modeling</i>
DEB	-	Dasar Ekonomi Baru
HTMT	-	Heterotrait-Monotrait Ratio
ICCPR	-	<i>International Covenant on Civil and Political Rights</i>
ICESCR	-	<i>International Covenant on Economic, Social, and Cultural Rights</i>
IPT	-	Institusi Pengajian Tinggi
IPTS	-	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
IRFA	-	<i>International Religious Freedom Act</i>
KPT	-	Kementerian Pengajian Tinggi
MCA	-	<i>Malaysian Chinese Organization</i>
MIC	-	<i>Malaysian Indian Congress</i>
MPB	-	Model Persamaan Berstruktur
MQA	-	<i>Malaysian Qualifications Agency</i>
NMB	-	Negeri-negeri Melayu Bersekutu
NS	-	Negeri-negeri Selat
PBB	-	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PROTON	-	Perusahaan Automobil Nasional Malaysia
PVT	-	Purata varians terekstrak
SPSS	-	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
TITAS	-	Tamadun Islam dan Tamadun Asia
TPR	-	Teori Pilihan Rasional
TPT	-	Teori Perlakuan Terancang
UA	-	Universiti Awam

- UAE** - United Arab Emirates
- UDHR** - *Universal Declaration of Human Rights*
- UDRF** - *United Nations Declaration on Religious Freedom*
- UKM** - Universiti Kebangsaan Malaysia
- UM** - Universiti Malaya
- UMNO** - *United Malays National Organization*
- UMP** - Universiti Malaysia Pahang
- UPM** - Universiti Putra Malaysia
- UPSI** - Universiti Pendidikan Sultan Idris
- VIF** - *Variance Inflation Factor*

BAB 1

PENDAHULUAN

Bab ini adalah pengantar tesis yang merangkumi latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan limitasi kajian. Perbincangan kajian menumpukan kepentingan penghayatan nilai toleransi dalam kalangan pelbagai komuniti etnik di Malaysia, yang terdiri dari tiga komuniti etnik utama iaitu komuniti Melayu selaku kaum majoriti dan penduduk asal, diikuti dengan komuniti Cina sebagai komuniti kedua terbesar dan komuniti India selaku kaum minoriti serta kaum-kaum lain. Perbincangan dalam bab ini juga menumpukan pelajar dari Universiti Awam (UA) yang dikategorikan sebagai golongan belia dan akan dijadikan sebagai responden kajian dalam penulisan tesis ini.

1.1 Pengenalan

Penghayatan nilai toleransi bagi sesebuah negara yang bermasyarakat majmuk adalah penting dalam mengukuhkan kesatuan dan memupuk keharmonian dalam hubungan etnik. Bagi memenuhi matlamat tersebut, Perdana Menteri Malaysia keenam, Najib Tun Razak telah memperkenalkan Konsep 1 Malaysia dengan slogan, *Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan* bagi mengukuhkan kerjasama dan

membangunkan Malaysia sebagai negara yang stabil dari sudut politik, ekonomi, sosial dan perundangan (Wan Norhasniah, 2011). Sikap bertoleransi boleh dihayati menerusi amalan hormat-menghormati dan bersikap terbuka untuk menerima pendapat ataupun corak budaya komuniti etnik yang berbeza. Sikap ini juga terserlah menerusi amalan kunjung-mengunjungi dan perjuangan seseorang pemimpin dalam mempertahankan hak kepentingan setiap komuniti etnik ataupun kaum tertentu (Nazri & Mohamad Sabri, 2006). Amalan ini juga boleh dilihat melalui perkongsian satu bahasa, iaitu apabila setiap komuniti etnik bersedia untuk sama-sama memartabatkan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa komunikasi dalam kehidupan seharian. Kekuatan semangat toleransi juga turut terserlah menerusi sikap keterbukaan setiap kaum untuk sama-sama meraikan pelbagai bentuk perayaan di Malaysia (Fatimi, 2016). Gesaan terhadap penghayatan nilai toleransi turut diperkukuhkan melalui Artikel 3 dan Artikel 11 dalam Perlembagaan Malaysia yang menegaskan iaitu, setiap penganut agama mempunyai hak kebebasan beragama dan hak mengamalkan ajaran masing-masing. Matlamat utama penekanannya adalah untuk mengelakkan konflik dan mengukuhkan kesatuan kaum yang terdiri dari pelbagai anutan agama (Yusuff Jelili & Ahmad Sohaimi, 2014).

Pengamalan sikap bertoleransi turut terpapar dalam kepimpinan pemimpin politik terdahulu. Sebagai contoh, dalam Pilihan Raya Persekutuan 1955, Tunku Abdul Rahman¹ telah menawarkan untuk mengurangkan jumlah kerusi *United Malays National Organization* (UMNO) dengan memberikan kepada komuniti etnik Cina dan India atas tujuan untuk memenangi hati komuniti bukan Melayu dalam Pilihan Raya Persekutuan 1955. Bagi mengelakkan konflik dan mengekalkan hubungan kerjasama,

¹ Penggunaan nama Tunku digunakan bagi membahaskan perkara berkaitan dengan cara pentadbiran Tunku Abdul Rahman.

pemimpin *Malaysian Chinese Organization* (MCA), iaitu Tan Chen Lock juga turut bersedia untuk bertoleransi dengan menarik semula cadangan untuk memartabatkan bahasa Cina sebagai bahasa kebangsaan (Wan Norhasniah, 2017). Selain itu, komuniti Melayu juga turut bertoleransi dengan membenarkan komuniti bukan Melayu mendapatkan kewarganegaraan secara Jus Soli untuk menetap di Tanah Melayu agar kemerdekaan dapat dicapai secara aman (Nazri & Mohamad Sabri, 2006; Zainal Abidin, 1979). Kesedaran atas kepentingan untuk mewujudkan persefahaman dalam anggota masyarakat, telah mendorong sesetengah pemimpin luar untuk menerapkan semangat berkenaan di negara masing-masing. Misalnya, pemimpin *United Arab Emirates* (UAE) telah menubuhkan *Ministry of Tolerance* pada Februari 2016 atas tujuan untuk mengukuhkan kerjasama dan membantu individu bagi mengenal pasti hubungan dan tanggungjawab yang boleh disumbangkan terhadap masyarakat dan negara (United Arab Emirates, 2016). Perkara yang sama turut ditonjolkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dengan melaksanakan *International Day of Tolerance* pada 16 November dengan matlamat untuk memastikan setiap individu dapat menghormati dan menghargai kepelbagaian budaya yang wujud di negara masing-masing (United Nations, t.t.). Malah penerapan semangat bertoleransi juga turut tertonjol dalam tempoh pentadbiran Muhammad SAW ketika berurusan dengan pihak Quraisyh dan tindakan ini terserlah dalam Perjanjian Hudaibiyah. Sikap Rasulullah SAW yang lebih menekankan nilai kesabaran dan sedia untuk berunding telah membuahkan kejayaan kepada masyarakat Islam pada ketika itu yang berusaha untuk memasuki kota Mekah (Yusuff Jelili & Ahmad Sohaimi, 2014).

Meskipun usaha pengukuhan perpaduan menerusi penghayatan semangat toleransi telah diketengahkan oleh pihak pemimpin, namun ketegangan hubungan etnik masih

lagi berlaku. Sebagai contoh, bermula penghujung tahun 1990-an sehingga ke tahun 2007, semangat toleransi etnik berada di tahap sederhana berpunca daripada kontroversi yang membabitkan isu-isu sensitif seperti agama, bahasa, pendidikan dan hak keistimewaan Melayu (Faruqi, 2012; Zahara et al. 2007). Sebagai contoh, isu agama yang menjadi pertikaian komuniti Islam adalah seperti penggunaan kalimah Allah oleh penganut bukan beragama Islam dan serangan yang berlaku di rumah-rumah ibadah Islam dan bukan Islam (Mohd Roslan, 2011). Begitu juga dengan pertikaian isu terhadap hak keistimewaan Melayu (Nazri & Mansor, 2014), isu bahasa dan pendidikan kebangsaan juga masih dipersoalkan oleh masyarakat pelbagai etnik sehingga kini (Wan Norhasniah, 2012a; Wan Norhasniah, 2012b).

Merujuk kepada perbincangan di atas, justeru kajian ini mendapati penerapan dan penghayatan nilai toleransi perlu difahami oleh setiap anggota masyarakat. Ini kerana, sejarah telah membuktikan bahawa pemupukan nilai berkenaan mampu mengukuhkan ikatan dan kesepakatan sosial, yang seterusnya dapat mewujudkan kesepaduan sosial dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia (Shamsul Amri, 2012a; Nair, 2011).

1.2 Latar Belakang Kajian

Dari sudut persejarahan, sebelum Malaysia muncul sebagai sebuah negara moden yang membangun, pada asalnya ia adalah sebuah kerajaan Melayu-Islam yang berpusat di Melaka (Zainal, 1983). Pedagang-pedagang dari negara Cina, India dan Arab bertemu di Melaka iaitu sebuah pusat perdagangan yang telah diasas oleh Parameswara menerusi penubuhan Kerajaan Melayu-Islam Melaka. Kedatangan pedagang luar ini telah mewujudkan pelbagai bentuk warisan budaya, agama, adat resam dan bahasa.